

21.8.2021_Berita Harian_STIE_Terap aktiviti STEM seawall pendidikan di TADIKA

Terap aktiviti STEM seawall pendidikan di TADIKA

Nur Azam
Ghazali,
Felo Perdana
2020
Kementerian
Pendidikan

Pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) menggabungkan empat disiplin dalam aktiviti pembelajaran, mula dipromosikan Kementerian Pendidikan (KPM), tetapi masih kurang mendapat sambutan.

Negara maju seperti Amerika Syarikat (AS), Jepun dan United Kingdom (UK) serta Singapura lebih serius melaksanakannya bermula pada tahap pendidikan awal.

Is mungkin sukar dilaksanakan di negara ini lebih-lebih lagi kita masih berdepan cabaran pandemik COVID-19, tetapi terdapat pelbagai kaedah sesuai dapat digunakan guru.

Pertama, guru perlu merancang aktiviti bersesuaian dengan peringkat umur murid. Contohnya pada peringkat taman didikan kanak-kanak (TADIKA), aktiviti STEM ringan dapat dilaksanakan seperti membuat eksperimen objek tenggelam timbul dengan mendapatkan kerjasama ibu bapa untuk menyediakan bahan terlebih dulu.

Ini akan menggalakkan kanak-kanak membuat aktiviti dengan bebas hingga hasil dipelajari lebih bermakna, sekali gus merangsang perkembangan kognitif untuk belajar secara amali.

Kedua, guru boleh meminta pandangan daripada murid mengenai topik aktiviti atau eksperimen ingin dilakukan. Jika ada mencadangkan untuk membuat kereta unpamannya, guru perlu lebih kreatif membuat persiapan.

Guru boleh mencadangkan bahan perlu disediakan ibu bapa untuk memastikan mereka dapat membuat sebuah kereta seperti penggunaan bahan litar semula yang tidak akan membebaskan mereka.

Ketiga, guru menggunakan teknik pengajaran simulasi, iaitu mempersembahkan terlebih dahulu aktiviti STEM dilaksanakan seterusnya meminta murid untuk melakukan aktiviti berkenaan dengan ibu bapa di rumah.

Contohnya, guru boleh membuat penjelasan me-



lahui video mengenai cara membuat taman bunga mini yang boleh disiarkan melalui pelbagai platform.

Hasil pembelajaran murid dipersembahkan melalui video atau gambar, sekali gus menjadi rujukan kepada guru untuk meningkatkan pengajaran aktiviti STEM.

Koempat, guru boleh membabitkan ibu bapa dalam aktiviti STEM. Contohnya, pertandingan reka diunjurkan dengan ibu bapa berperanan sebagai pembantu anak dalam menjayakan aktiviti berkenaan.

Is bukan sahaja memberi peluang kepada kanak-kanak mengisi masa lapang dengan ibu bapa, bahkan memberi gambaran kepada ibu bapa bahawa pembelajaran bukan sahaja terhad kepada membaca, menulis dan mengira (3M).

Realitinya, Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK 21) ini menyarankan masyarakat agar memberikan peluang kepada murid untuk belajar secara holistik. Perkembangan tidak boleh dinilai dengan gred peperiksaan semata-mata, sebaliknya juga berdasarkan pembabitan aktif dalam aktiviti STEM.

Is bukan sahaja menggalakkan kanak-kanak berfikir lebih jauh, bahkan mendorong mereka melakar kejayaan dalam pelbagai projek. Kreativiti kanak-kanak dapat dilihat melalui hasil ciptaan yang penting kepada kemajuan negara pada masa depan.